

Projek ikut proses bidaan, pemerolehan betul

Kuala Lumpur: Kerajaan akan memastikan setiap projek dilaksanakan dengan teliti melalui proses pembidaan dan pemerolehan betul.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata ini untuk memastikan projek dilaksanakan individu yang betul dan tepat serta menghasilkan kualiti terbaik pada harga tepat dan disiapkan pada masanya.

“Kami percaya tadbir urus berkesan dalam sektor awam menggalakkan penggunaan sumber yang cekap dan penyampaian perkhidmatan berkesan,” katanya ketika menyampaikan ucap tama dan merasmikan Perhimpunan Pertubuhan Audit Negara Asia Tenggara (ASEANSAI) Ke-5 di sini, semalam.

Dr Wan Azizah menegaskan, kerajaan mahu belanjawan dan da-

na negara bebas daripada aktiviti atau projek yang tidak cekap, tidak berkesan dan penuh dengan ketirisan.


“Ia sebaliknya perlu disalurkan kepada program, aktiviti atau projek bermanfaat,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, era digital dan kemunculan Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) memberi kesan kepada semua negara ASEAN.

Beliau berkata, Malaysia dan negara serantau mengalami transformasi perindustrian membatinkan pertukaran data, pengkomputeran awan, sistem siber, data besar, kecerdasan buatan (AI) serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Katanya, pada dasarnya, setiap revolusi industri memerlukan kemahiran baharu berdaya maju.

Sehubungan itu, ada keperluan

 **Ini untuk memastikan projek dilaksanakan individu yang betul dan tepat serta menghasilkan kualiti terbaik pada harga tepat dan disiapkan pada masanya.**

Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Timbalan Perdana Menteri

BA-7/11/2019 m/s:7

lebih tinggi untuk menyediakan pekerja mencakupi juruaudit dilengkapi pengetahuan dan kemahiran teknologi baharu sejajar IR 4.0.

“Teknologi digital, terutama internet mudah alih, data besar, teknologi awan, internet, automasi pengetahuan kerja dan teknologi sosial, analisis dan awan (SMAC), berpotensi menjana sehingga AS\$625 bilion (RM2584.75 bilion) menjelang 2030, mencakupi lapan peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) ASEAN.

“Negara ASEAN akan mendapat manfaat sejajar Pelan Induk Kesalinghubungan ASEAN 2025 dan bukan bersaing sesama sendiri,” katanya.

Dr Wan Azizah berkata, matlamat pelan dapat direalisasikan melalui peningkatan dalam kecekapan, produk dan perkhidmatan

baharu serta produk awan dalam bidang digital.

Katanya, pelan induk itu bertujuan mengenal pasti pendidikan, e-dagang, penyelesaian pembayaran dan teknologi berasaskan awan sebagai lapangan yang dengan sendirinya ASEAN boleh berada di barisan depan melakukan perubahan, berbanding menggunakan teknologi sedia ada.

Beliau berkata, berpaksikan IR 4.0 dan penggunaan teknologi maklumat yang meluas dalam perkhidmatan kerajaan, juruaudit perlu mengetahui dan menggunakan teknologi dalam menjalankan tugas audit mereka.

“Jadi, sangat penting untuk kerjasama dan interaksi rapat dalam kalangan anggota ASEANSAI dalam melaksanakan Rancangan Strategik ASEANSAI 2018-2021,” katanya.